

Aktiviti Kerja Sampingan dan Kesan ke Atas Komitmen Guru Bekerja Sampingan Mengikut Persepsi Guru

Mohd Suhaimi Mohd Nizam, Norasmah Othman*

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: lin@ukm.edu.my

Abstract

A survey was conducted to determine the perceptions of teacher regarding teachers' activities as a partimer. The survey involved 370 secondary school teachers from the Sepang District, were randomly selected as a sample of the study. This study aimed to find: 1. Teacher perception toward teacher's activities as a partimer, and 2. The effects of teacher activities as partimer toward teacher commitment. A questionnaire was used as instrument in this study. The results showed the teachers' perception of partimer work activities among teachers in Sepang District is high but the effect of this activity on teacher' commitment is low. This means additional activity undertaken by secondary school teachers' didn't have an affects to their commitment as teachers.

Keywords: Partime; teacher commitment; school organization; teaching professen

Abstrak

Tinjauan yang dilakukan adalah untuk menentukan persepsi guru terhadap aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru. Tinjauan ini melibatkan seramai 370 orang guru sekolah menengah Daerah Sepang yang telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan: 1. Persepsi guru terhadap aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru, dan 2. Kesan aktiviti kerja sampingan ke atas komitmen guru mengikut persepsi guru. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian menggambarkan persepsi guru terhadap aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah dalam Daerah Sepang adalah tinggi namun kesan aktiviti kerja sampingan kepada komitmen guru mereka sebagai seorang guru adalah rendah. Ini bermakna aktiviti kerja sampingan yang dilaksanakan oleh guru-guru sekolah menengah mengikut persepsi guru tidak begitu memberi kesan terhadap komitmen mereka sebagai seorang guru.

Kata kunci: Kerja sampingan; komitmen guru; organisasi sekolah; profesyen keguruan

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Guru merupakan golongan profesional yang diberi peranan penting sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Guru yang komited diperlukan untuk menyediakan program pengajaran dan pembelajaran (P&P) berkualiti dan berpegang teguh dengan strategi-strategi akauntabiliti yang berkesan (Noriati *et al.* 2010). Selaku kakitangan sekolah, guru harus memberikan sepenuh komitmen kepada pihak pentadbiran bagi melicinkan urusan berkaitan pengurusan sekolah selain memberikan sokongan padu dalam merealisasikan visi dan misi sekolah seiptimana yang telah digariskan (Abdullah Sani *et al.* 2007).

Komitmen guru menjadi salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan perubahan sesuatu dasar dan agenda pendidikan yang dirancang. Ia tidak sekadar ketika berada dalam waktu bertugas di sekolah, malah pada bila-bila masa pun. Selain menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran (P&P), bidang tugas guru turut merangkumi pelbagai perkara berkaitan dengan bidang pengurusan akademik termasuk penglibatan dalam pengurusan kurikulum, pengurusan kebajikan murid, terlibat dalam mesyuarat serta menghadiri kursus dan seumpamanya (Burnham, 2011). Keadaan itu telah memperlihatkan kepelbagaiannya tugas seorang guru dalam dunia pendidikan yang sentiasa wujud perubahan seiring dengan keperluan semasa (Mohamad Najib, 2004).

Walau bagaimanapun, sebagai seorang manusia guru tetap memerlukan masa yang perlu diluangkan untuk menguruskan hal-hal peribadi sama seperti individu lain (Lambert, 2003). Selain melakukan tugas peribadi, mengurus keluarga atau terlibat dengan sebarang aktiviti komuniti setempat, terdapat dalam kalangan guru yang mengambil inisiatif melakukan sesuatu yang dapat menambah pendapatan dengan melakukan kerja sampingan. Kerja sampingan merupakan istilah yang diadaptasi daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu 'moonlighting' di mana perkataan ini pada asalnya daripada perkataan 'moonlight'. Menurut kamus Oxford (2011) istilah ini membawa makna seseorang yang mempunyai pekerjaan kedua di mana kebiasaannya dilakukan pada waktu malam secara rahsia sebagai tambahan daripada pekerjaan utamanya. Idea ini selari dengan Champion (2010), Michael (2010) dan Betts (2006) yang juga mengatakan bahawa 'moonlighting' adalah apabila seseorang memiliki kerja luar atau memiliki satu kerjaya selain pekerjaan utama. Azanza (2000) pula berpendapat kerja sampingan merupakan salah satu cara bagi memperoleh pendapatan walaupun seseorang itu mempunyai pekerjaan tetap.

Umumnya, bekerja sampingan memberikan manfaat kepada golongan yang terlibat. Namun ia bukan sesuatu yang boleh diterima oleh semua pihak terutamanya apabila golongan yang melakukan kerja sampingan ini mempunyai komitmen terhadap profesyen dan organisasi tempat mereka berkerja. Bagi guru-guru di sekolah, komitmen mereka dilihat pada skop yang lebih luas di mana selain mempunyai komitmen sebagai guru dalam proses P&P, mereka juga berkomitmen dengan sekolah serta profesyen atau kerjaya perguruan yang disandang. Parham & Gordon (2011) menyatakan, pekerjaan sampingan dapat memberi pelbagai kesan kepada guru. Antara kesan-kesan yang boleh dilihat daripada pekerjaan sampingan yang dilakukan oleh guru adalah kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran seperti berkaitan tempoh masa pengajaran (Maninger *et al.* 2011), kualiti pengajaran guru terjejas (Champion, 2010), kesan terhadap organisasi seperti kakitangan lebih mengutamakan kerja sampingan daripada tugas utamanya di tempat kerja (Champion, 2010), hubungan kerjasama antara guru terjejas (Parham & Gordon, 2011), memberi kesan negatif terhadap profesyen keguruan (Parham, 2006) seperti produktiviti guru berkurangan (Hyder & Ahmed, 2009) dan kekurangan tenaga (guru penat semasa mengajar) (Champion, 2010). Kesemua kesan ini secara langsung boleh dilihat sebagai satu tanggungan kepada organisasi sekolah.

Oleh kerana kejayaan organisasi banyak bergantung kepada kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh kakitangan (Mariatin, 2009) maka, seharusnya tidak ada sebarang halangan yang dapat menyumbang kepada kegagalan guru dalam memberikan komitmen kepada organisasinya. Ini disebabkan komitmen semua guru diperlukan bagi memastikan pengurusan sekolah dapat dijalankan dengan jayanya. Menurut Abdullah Sani (2005) guru merupakan penyumbang utama dalam mengerakkan organisasi sekolah bagi mencapai misi dan visi agar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Laporan Berita Harian Malaysia (4 Januari 2010) juga mendedahkan, guru yang terlibat dengan ‘kerja luar’ hingga mengabaikan tugas hakiki mereka di sekolah semata-mata ingin mengejar pendapatan yang lumayan diakui wujud sebagai kes terpencil oleh persatuan guru. Dalam laporan tersebut, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Loke Yim Pheng, berkata tindakan segelintir guru yang lebih rajin mencari pendapatan tambahan itu umpama ‘nila setitik, rosak susu sebelanga’. Maka, keadaan ini akan memperlihatkan kesan negatif terhadap bidang profesion perguruan di mana tindakan guru berkenaan boleh mencalar imej golongan pendidik kerana kebanyakan guru adalah komited menjalankan tanggungjawab masing-masing. Malah persepsi masyarakat yang memandang tinggi kepada guru selama ini juga akan berubah hingga menyebabkan hilang kepercayaan daripada masyarakat terhadap guru. Apabila keadaan ini terjadi, ini memberi ruang kepada banyak pihak untuk bebas mengkritik guru atas sebarang perkara secara meluas sehingga ke media massa di mana situasi ini dapat memberi tekanan dan gangguan emosi kepada sebahagian guru akibat dipandang negatif oleh masyarakat hingga mempengaruhi tugas sekaligus menjelaskan prestasinya (Cozze, 2012).

Kajian-kajian lepas menunjukkan tabiat melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru boleh menimbulkan pelbagai kesan secara langsung atau tidak langsung kepada pengurusan sekolah (Champion, 2010) terutamanya dalam urusan P&P guru. Sebagai contoh, bukti menunjukkan bahawa salah satu punca prestasi akademik murid jatuh adalah disebabkan kegagalan dalam urusan P&P dan perkara ini seringkali dikaitkan dengan persediaan guru. Komitmen guru terhadap organisasi juga turut terjejas. Guru yang terlibat dengan kerja sampingan didapati sering memberi masalah kepada sekolah. Pihak sekolah sukar mendapatkan kerjasama dengan baik daripada mereka terutamanya jika melibatkan tugas luar waktu. Sepertimana yang diketahui, kecemerlangan sebuah sekolah bukan sahaja tertumpu kepada P&P guru sahaja, tetapi menuntut komitmen yang pelbagai daripada seorang guru. Menurut Parham & Gordon (2011), komitmen terhadap profesion perguruan juga terjejas apabila guru dilihat lebih mengutamakan kerjaya sampingan hingga mengeneplikan perkara berkaitan sekolah dan tugas profesionalnya sekaligus. Keadaan ini mencerminkan sikap guru yang tidak baik dan boleh memberi persepsi negatif kepada profesion perguruan. Laporan mereka juga menunjukkan bahawa guru yang terlibat dengan kerjaya sampingan didapati kurang memperuntukkan masa untuk melakukan perbincangan berkaitan kerjanya dengan rakan sejawat. Kesemua kesan ini dilihat sebagai perkara yang boleh mengagalkan usaha kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan negara ini setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

Atas sebab-sebab di atas, kajian ini dijalankan bagi tujuan: 1. mengenal pasti persepsi guru terhadap aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru dan, 2. kesan aktiviti kerja sampingan ke atas komitmen guru mengikut persepsi guru.

■2.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian telah diubahsuai daripada Betts (2002) dan Parham (2006) yang mengetengahkan item-item berkaitan tugas guru, perihal kerjaya sampingan dan kesan kerjaya sampingan yang dilakukan dalam kalangan guru. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: memperihalkan maklumat berkaitan demografi responden. Bahagian B: Aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru (7 item). Bahagian C: kesan aktiviti kerja sampingan ke atas komitmen guru (10 item).

Sebelum kajian dilaksanakan, kajian rintis telah dilaksanakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen di mana item hanya akan diterima apabila kesahannya melebihi 0.30 sementara kebolehpercayaan yang diuji dengan ujian Cronbach Alpha melebihi 0.70 (Gordon, 2005). Data analisis untuk kajian rintis mendapati nilai kesahan adalah melebihi 0.30 dan nilai Cronbach Alpha adalah melebihi 0.70 bagi setiap dimensi di mana Bahagian B mencatatkan $\alpha = 0.87$ dan Bahagian C ($\alpha = 0.97$). Ini bermakna instrumen kajian ini adalah baik dan boleh digunakan untuk kajian.

Kumpulan sasaran kajian adalah guru yang bertugas di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Sepang, Selangor yang berjumlah seramai 2683 orang (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Berdasarkan Jadual Penentuan saiz Krejcie dan Morgan 1970, jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian ini adalah seramai 370 orang. Pemilihan sampel pula dibuat dengan menggunakan teknik persampelan gabungan. Ini disebabkan jumlah populasi yang ramai iaitu 2683 orang, dari 50 buah sekolah yang berlokasi sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Langkah pertama dalam pemilihan sampel ialah persampelan rawak berlapis mengikut kadar di mana sekolah telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu sekolah Bandar dan luar Bandar. Sekolah Bandar berjumlah 14 buah dengan bilangan guru seramai 1073 orang dan sekolah luar Bandar berjumlah 36 buah dengan bilangan guru seramai 1610 orang. Berdasarkan bilangan tersebut, kadar bilangan sekolah dan guru di Bandar adalah 40 peratus sementara di luar Bandar pula adalah 60 peratus. Setelah peratusan ini diperoleh, maka pemilihan sampel telah dibuat secara rawak mudah iaitu melalui cabutan undi. Proses ini telah dilaksanakan di mana pengkaji telah mencatat nama semua sekolah pada secebis kertas dan diagihkan kepada dua bekas berdasarkan kategori sekolah (Bandar dan Luar Bandar). Seterusnya cabutan dibuat untuk mengenal pasti sekolah yang terlibat dalam kajian dan akhirnya 9 buah sekolah Bandar dan 16 buah sekolah

luar Bandar telah dikenalpasti. Untuk mendapatkan sampel pula, cabutan dibuat melalui penomboran ke atas nama-nama guru yang terdapat dalam buku laporan kedatangan guru di sekolah. Hasilnya, 144 orang guru dari sekolah Bandar dan 226 orang guru sekolah luar Bandar telah terpilih untuk terlibat dalam kajian.

Bagi mengukur tahap aktiviti kerja sampingan dalam kalangan guru sama ada tinggi, sederhana ataupun rendah mengikut persepsi guru, maka pengkaji telah mengadaptasi skor min yang diinterpretasi oleh Mohd Najib (2003). Interpretasi skor min tersebut adalah: 1.00–2.33 (Rendah); 2.34–3.67 (Sederhana); dan 3.68–5.00 (Tinggi).

■3.0 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Data dianalisis hanya dengan menggunakan statistik deskriptif. Jadual 1 menunjukkan profil responden seramai 370 orang dalam kalangan guru iaitu umur, jantina dan status bekerja sampingan. Dapatan menunjukkan seramai 243 (65.7%) responden berumur di bawah 40 tahun berbanding 127 (34.3%) responden berumur 40 tahun dan ke atas. Dari segi jantina pula, responden lelaki mencatatkan bilangan 145(39.2%) dan responden perempuan sebanyak 225 (60.8%). Manakala berdasarkan status bekerja sampingan, seramai 171 (46.2%) responden pernah terlibat dalam kerjaya sampingan dan seramai 199 (53.8%) responden tidak pernah terlibat dalam kerjaya sampingan.

Jadual 1 Profil responden

Profil	Kekerapan	Peratus
Umur : Bawah 40 tahun	243	65.7
40 Tahun dan ke atas	127	34.3
Jantina: Lelaki	145	39.2
Perempuan	225	60.8
Status bekerja sampingan:		
Pernah terlibat	171	46.2
Tidak pernah terlibat	199	53.8

n = 370

■4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Persepsi Guru Terhadap Aktiviti Melakukan Kerja Sampingan dalam kalangan Guru

Jadual 2 menggambarkan persepsi guru terhadap aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah dalam Daerah Sepang adalah tinggi (min 3.71) dengan peratus persetujuan daripada responden berjumlah 70.79. Ini jelas terbukti pada item 4 apabila 85.7 peratus bersetuju dengan kenyataan bahawa ‘Guru yang melakukan pekerjaan sampingan merupakan sesuatu yang menjadi kebiasaan pada masa kini’. Dapatan ini diteguhkan lagi dengan Item 1 apabila data menunjukkan bahawa 83 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Mengetahui terdapat dalam kalangan guru di sekolah saya terlibat dengan aktiviti bekerja sampingan’. Secara amnya, dari tujuh item dalam Jadual 2, hanya tiga sahaja yang memberi maklum balas sederhana bagi pernyataan yang diutarakan sementara empat lagi diinterpretasikan sebagai tinggi. Maklumat perinci boleh dirujuk pada jadual.

Jadual 2 Aktiviti melakukan kerja sampingan dalam kalangan guru mengikut persepsi guru

	Item	Peratus Persetujuan	Min	Interpretasi
1	Mengetahui terdapat dalam kalangan guru di sekolah saya terlibat dengan aktiviti bekerja sampingan.	83.00%	3.99	Tinggi
2	Pernah menjadi pelanggan / membeli barang daripada perkhidmatan / barang yang disediakan oleh guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan.	79.8%	3.82	Tinggi
3	Tidak merasakan guru yang bekerja sampingan menyalahi etika perguruan apabila dijalankan di kawasan sekolah.	53.80%	3.36	Sederhana
4	Guru yang melakukan pekerjaan sampingan merupakan sesuatu yang menjadi kebiasaan pada masa kini.	85.70%	3.99	Tinggi
5	Tidak bersetuju jika terdapat guru yang mempunyai pekerjaan sampingan dilarang daripada meneruskannya sama ada ketika di dalam atau di luar waktu persekolahan.	59.70%	3.52	Sederhana
6	Semua orang termasuk guru mempunyai hak untuk melakukan sebarang perkara yang disukainya termasuk melakukan kerja sampingan walaupun mempunyai kerjaya tetap.	77.00%	3.81	Tinggi
7	Semua guru harus mempunyai pekerjaan sampingan bagi memenuhi masa lapang terutama semasa cuti penggal persekolahan.	56.50%	3.44	Sederhana
Purata		70.79%	3.71	Tinggi

Kewujudan guru yang bekerja sampingan bukan lagi sesuatu yang asing dalam masyarakat. Dalam kalangan guru, walaupun ia telah menjadi kebiasaan, sejauhmana penerimaan mereka terhadap rakan sejawat yang terlibat dengan kerja sampingan tidak dapat dipastikan. Namun melalui kajian ini, secara umumnya dapatkan menunjukkan bahawa golongan guru yang bekerja sampingan mendapat maklum balas positif daripada kalangan guru di sekolah di mana rakan sejawat dalam organisasinya menerima baik akan kehadiran mereka. Dapatkan ini selari dengan Betts (2002) yang menyebutkan golongan guru bekerja sampingan telah wujud di mana-mana sahaja sekali gus dianggap sebagai fenomena antarabangsa yang telah berlaku sejak sekian lama.

Majoriti guru mengetahui akan kewujudan guru-guru di sekolah mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kerja sampingan. Ini kerana realiti di kebanyakan sekolah di Malaysia wujud guru yang terbabit dengan kerjaya sampingan dan ianya disedari oleh rakan sejawatnya yang lain. Antara jenis pekerjaan yang diketahui secara langsung adalah seperti mengajar kelas tambahan sama ada di sekolah atau di luar termasuk menjadi ejen jualan langsung (Noriati *et al.* 2010). Malah, dengan timbulnya polemik dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila media massa turut melaporkan kewujudan penjawat awam termasuk kalangan guru yang terlibat dengan aktiviti kerjaya sampingan, ia menunjukkan fenomena ini telah disedari oleh banyak pihak. Dapatkan daripada Betts (2004) yang menyatakan bahawa bidang perguruan merupakan kerjaya di mana golongan pekerjanya adalah paling ramai menjalankan aktiviti sambilan di luar waktu bekerja utamanya sebagai pekerjaan sampingan mungkin boleh dijadikan ukuran bahawa fenomena ini memang berlaku dalam kalangan guru. Malah, kewujudan guru yang bekerja sampingan telah dikesan melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sejak dekad 60-an lagi (Betts, 2002).

Kewujudan guru bekerja sampingan juga disokong oleh kalangan guru di sekolah yang didapati menerima perkhidmatan yang ditawarkan oleh rakan guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan termasuk membeli barang yang dijual oleh mereka. Ini kerana, dengan adanya barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh rakan mereka, guru-guru mudah memperolehi khidmat atau barang yang diinginkan tanpa keluar atau mencari di tempat lain dengan alasan sibuk dan tidak ada masa untuk membeli belah. Keadaan ini bersesuaian dengan pandangan Kalakota & Robinson (2008) yang menyebutkan masyarakat hari ini terperangkap dalam masa sekaligus menyebabkan segelintir daripadanya tidak ada masa untuk membeli belah. Sebagai jalan penyelesaian, mereka mencari alternatif lain untuk mendapatkan sesuatu secara mudah termasuk pembelian secara atas talian di internet.

Daripada itu ini, timbul persoalan sama ada penglibatan guru dalam aktiviti kerjaya sampingan itu menyalahi etika sekaligus menjadi kesalahan berdasarkan undang-undang atau sebaliknya. Bagi kalangan guru yang terlibat, persoalan itu tidak diambil perhatian walaupun menyedari guru sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan merupakan sebahagian daripada pegawai kerajaan yang tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang perkhidmatan awam (Noriati *et al.* 2010) yang bertujuan mengawal tingkah laku dan etika pekerja dalam perkhidmatan awam. Ia sejajar dengan kajian Parham & Gordon (2011) yang mendapati guru berteges untuk meneruskan aktiviti sampingan yang telah dilakukan dengan alasan ianya merupakan hak individu yang tidak harus dihalang dan perlu diberi kebebasan. Bagaimana pun, seseorang penjawat boleh diberi kebenaran untuk terlibat dengan kerjaya sampingan dan tidak menjadi kesalahan selagi mana tidak menjelaskan komitmen guru. Ini kerana, wujud beberapa pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan seperti Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.1 Tahun 1999 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1 Tahun 2006.

Berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan mengenai peraturan-peraturan bekerja sambilan yang wujud, terdapat cadangan bahawa guru-guru harus mempunyai kerja sampingan masing-masing bagi memenuhi waktu lapang terutama sewaktu cuti penggal persekolahan. Cadangan ini dilihat menerima maklum balas yang baik dalam kalangan guru. Ini kerana idea ini dilihat sebagai satu cara kepada guru yang mempunyai waktu terluang di waktu cuti sekolah yang panjang untuk memanfaatkan masa yang ada dengan perkara berfaedah di samping memperolehi pendapatan tambahan melalui pekerjaan sampingan. Bahkan pekerjaan sampingan itu juga boleh dilakukan secara bebas tanpa terikat dengan waktu serta bersifat fleksibel bergantung kepada kemampuan diri seseorang (Mohd Aliff, 2011). Oleh yang demikian cadangan di atas dilihat sesuatu yang boleh dipertimbangkan oleh guru jika berkeinginan untuk mendapatkan pendapatan tambahan, menambahkan pengalaman dan seumpamanya sewaktu musim cuti sekolah berlangsung.

Kesan Aktiviti Kerja Sampingan Ke Atas Komitmen Guru Mengikut Persepsi Guru

Jadual 3 menunjukkan data yang mengukur kesan aktiviti kerja sampingan ke atas komitmen guru bekerja sampingan mengikut persepsi guru. Secara purata, berdasarkan pernyataan item, data menunjukkan peratus persetujuan guru bagi setiap pernyataan item dalam jadual adalah rendah iaitu antara 7.30 peratus hingga 19.20 peratus. Oleh kerana setiap pernyataan dalam item adalah berbentuk negatif, ini bermakna bahawa lebih 80 peratus guru tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Sebagai contoh, untuk item 1, ‘Tidak masuk ke kelas tepat pada waktunya’ hanya seramai 14.1 peratus sahaja yang bersetuju dengan pernyataan tersebut sementara 85.9 peratus lagi tidak bersetuju ataupun berpendapat bahawa guru bekerja sampingan masih masuk ke kelas tepat pada masanya. Begitu juga dengan item ke 2, hanya 19.2 peratus sahaja yang bersetuju dengan pernyataan tersebut sementara 80.8 peratus lagi tidak bersetuju. Bagi mereka, guru bekerja sampingan masih membuat perancangan rapi sebelum masuk ke kelas. Bagi item 3 pula, 92.7 peratus guru berpendapat guru bekerja sampingan ada menerapkan nilai-nilai murni dalam P&P dan hanya 7.3 peratus sahaja yang bersetuju dengan pernyataan ‘Tidak menerapkan nilai-nilai murni dalam P&P’. Seterusnya bagi item 4 hingga item 10 juga memaparkan peratus persetujuan yang rendah terhadap semua pernyataan tersebut. Ini bermakna peratus persetujuan terhadap setiap pernyataan tersebut adalah kecil iaitu antara 11.9 hingga 19.7 peratus sementara selebihnya berpendapat bahawa aktiviti guru bekerja sampingan tidak memberi kesan yang besar terhadap daya tumpuan dan fokus semasa P&P guru (87.1%), tidak kerap mengambil cuti (87.6%), melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan (80.3%), gembira dengan kerjaya keguruan (88.4%), kekal dengan kerjaya keguruan (85.4%) dan lebih mengutamakan tugasan berkaitan dengan sekolah berbanding kerjaya sampingan (88.1%). Maklumat perinci boleh dirujuk pada Jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3 Kesan aktiviti kerja sampingan ke atas komitmen guru mengikut persepsi guru

Item	Peratus Persetujuan
1 Tidak masuk ke kelas tepat pada waktunya.	14.10%
2 Tidak membuat perancangan rapi sebelum masuk ke kelas.	19.20%
3 Tidak menerapkan nilai-nilai murni dalam P&P.	7.30%
4 Tidak ada daya tumpuan dan fokus semasa P&P.	12.90%
5 Kerap mengambil cuti (seperti cuti sakit, cuti rehat dan seumpama).	12.40%
6 Seringkali keluar pada waktu bertugas.	11.90%
7 Menolak tugas dan tanggungjawab pengurusan yang diberikan.	19.70%
8 Kurang gembira dengan kerjaya keguruan.	11.60%
9 Berkeinginan untuk meninggalkan kerjaya keguruan.	14.60%
10 Lebih mengutamakan kerjaya sampingan daripada tugasannya berkaitan sekolah.	11.90%
Purata	
13.56%	

Walaupun keputusan melibatkan diri dalam aktiviti bekerja sampingan adalah atas kehendak diri sendiri, ia sebenarnya turut memberi kesan kepada orang yang berada di sekelilingnya hingga wujud pandangan pro dan kontra. Berdasarkan kajian ini, dapatan menunjukkan penglibatan guru dengan aktiviti kerjaya sampingan tidak memberikan kesan yang signifikan sehingga boleh menjelaskan komitmen mereka sebagai seorang guru. Kajian Maninger *et al.* (2011) menyebutkan guru yang bekerja sambilan akan menjelaskan keberkesanannya pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Bahkan, Aslam & Kingdon (2008) dalam kajiannya ada menyebut terdapat hubungan yang tinggi antara pencapaian pelajar dengan guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan di mana didapati komitmen guru menerusi P&P terjejas hingga mempengaruhi pencapaian murid. Antaranya, menerusi dapatan guru yang terlibat dengan kerja sampingan didapati sering tidak masuk ke kelas tepat pada waktunya pada persepsi sebahagian guru. Bagaimanapun, kajian ini menunjukkan guru yang terlibat dengan kerjaya sampingan didapati masih mematuhi masa pengajaran menerusi proses P&P seperti yang dijadualkan. Ini menunjukkan guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan masih menyedari akan fungsi mereka sebagai pemimpin pengajaran yang harus melaksanakan P&P dengan berkesan. Dapatan ini tidak selari dengan Champion (2010) yang menyebutkan guru tidak membahagikan masa antara kerjaya perguruan dan kerjaya sampingan hingga menjelaskan sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Menurut Abdullah *et al.* (2007) Noor Akmar (2006) dan Robiah (2002), guru-guru harus memainkan pelbagai peranan dan berupaya memberikan satu pengajaran yang berkesan di bilik darjah selaku seorang guru yang profesional di mana urusan peribadi tidak mempengaruhi urusan kerjaya perguruan.

Begitu juga dengan persepsi guru mengenai usaha-usaha guru untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kelas serta daya tumpuan semasa proses P&P dijalankan tidak terganggu kesan dari aktiviti kerja sampingan. Namun dapatan ini dilihat tidak selari dengan dapatan Champion (2010) apabila beliau menyatakan guru yang mempunyai pekerjaan sampingan didapati kurang memiliki hubungan kemanusiaan dalam P&P. Hubungan kemanusiaan ini merupakan salah satu elemen nilai-nilai murni yang perlu diterapkan semasa proses P&P di bilik darjah (Emeliana 2010 dan Abd. Rahman, 2002). Dalam hal ini sebenarnya, sebagai seorang guru, semasa proses P&P dijalankan guru perlu menumpukan perhatian penuh kepada murid terutamanya kepada tiga perkara berikut iaitu gaya pengajarannya yang meliputi suara, mata, gerak-geri dan pergerakan selain bahan dan media pengajaran berkaitan serta interaksi antara guru, pelajar dan bahan semasa pengajaran (Shahabuddin *et al.* 2007). Ia bagi memastikan murid melalui proses P&P dengan baik dan keprihatinan yang diberikan oleh guru yang komited dengan tugasnya.

Isu kehadiran pekerja dalam sesebuah organisasi dilihat antara perkara serius yang diambil perhatian. Kekerapan pekerja yang tidak ada di tempat bertugasnya seperti ponteng, ambil cuti atau keluar sebentar meninggalkan tempat kerja menunjukkan kakitangan lebih mengutamakan aktiviti kerja sampingan daripada tugas utamanya di tempat kerja. Bagi seorang guru yang komited, keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana tindakan ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan kepada organisasinya berhubung dengan tahap produktivitinya selaku kakitangan sehingga dilihat sebagai tanggungan kepada organisasi (Champion, 2010) seterusnya mewujudkan ketidaklancaran terhadap proses P&P. Berdasarkan persepsi guru dalam kajian ini, ia menunjukkan guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan masih dianggap berkomitmen dengan organisasinya menerusi pola kehadiran ke sekolah yang tidak mengecewakan.

Esah (2003) dalam Abdul Said & Muhamad Hisyam (2010) menyatakan bahawa tugas guru masa kini meliputi aspek pengurusan seperti mengendalikan rekod pelajar, pengutipan yuran, skim pinjaman buku teks, kedatangan pelajar dan laporan prestasi pelajar. Di samping itu, guru juga mempunyai tugas dalam panitia mata pelajaran masing-masing untuk menyebar dan memantau pelaksanaan kurikulum dan sukan pelajaran. Semua tugas ini memerlukan komitmen tinggi daripada guru di mana berdasarkan pemerhatian responden, mereka kurang bersetuju dengan kenyataan guru selalu menolak tugas dan tanggungjawab pengurusan yang diberikan. Keadaan ini telah menggambarkan betapa guru yang terlibat dengan aktiviti kerjaya sampingan tetap menyedari akan komitmen terhadap aspek pengurusan di luar tugasannya P&P yang berkaitan dengan akademik dan pengurusan yang perlu dilakukan. Bagaimanapun, berbeza dengan kajian Parham (2006) apabila beliau menegaskan bahawa guru-guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan tidak diberikan peluang untuk melaksanakan tugasannya berkaitan pengurusan. Ini adalah kerana pihak pentadbir kurang yakin serta bimbang akan kejayaan dalam pelaksanaan tugasannya tersebut oleh guru berkenaan (guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan).

Terdapat laporan yang menyebutkan wujud dalam kalangan guru yang berasa kurang gembira dengan kerjayanya. Ia wujud disebabkan pelbagai faktor seperti beban tugas, kurang dedikasi, tiada pengiktirafan dan sebagainya yang berhubung dengan kerjaya seorang guru (Mohd Ismail 2006). Namun, berdasarkan persepsi responden, hanya segelintir sahaja yang menganggap guru yang terbabit dengan aktiviti kerja sampingan tidak gembira dengan kerjaya perguruan ini. Sekaligus dapat menolak kenyataan Parham & Gordon (2011) yang melihat guru tidak berminat dengan kerjaya keguruan. Ini bermakna bahawa mengikut persepsi responden, guru tetap gembira dengan profesion perguruan walaupun dalam masa yang sama aktif dengan aktiviti kerja sampingan.

Dapatkan yang menyatakan guru berkeinginan untuk meninggalkan profesion perguruan dilihat kurang menyokong dapatan Henderson (2000) apabila beliau menyatakan bahawa seseorang yang bekerja sampingan mempunyai niat untuk meninggalkan kerjaya perguruan pada masa akan datang. Ini bermakna sekalipun terbabit dengan aktiviti kerja sampingan, kebanyakannya responden menolak akan adanya keinginan guru untuk bebas daripada kerjaya perguruan ini. Bagaimana pun, bagi kalangan guru di Malaysia, pendapatan yang diterima pada hari ini tidak lagi menjadi isu besar di mana pelbagai insentif, eluan dan kenaikan tangga gaji diberikan oleh pihak kerajaan. Untuk itu jika ada keinginan dalam kalangan guru yang bekerja sampingan untuk meninggalkan profesion perguruan, ia perlu difikirkan sebaik-baiknya walaupun mempunyai pendapatan lain menerusi pekerjaan sampingan yang dilakukannya.

■5.0 KESIMPULAN

Fenomena aktiviti bekerja sampingan bukanlah sesuatu yang baru wujud dalam kalangan masyarakat malah dalam kalangan guru pun situasi ini tidak terkecuali. Menerusi dapatan kajian ini, guru-guru di sekolah menyedari akan kewujudan guru yang terlibat dengan aktiviti kerja sampingan dan menerima kehadiran mereka seadanya. Bagaimana pun, mengikut persepsi guru aktiviti kerja sampingan oleh guru tidak menjelaskan komitmen mereka sebagai seorang guru. Guru yang aktif dengan aktiviti kerja sampingan didapati masih dapat melaksanakan kerja hakiki sebagai seorang guru dengan baik. Sekaligus menyanggah andaian masyarakat awam yang menganggap bahawa komitmen guru terjejas sepenuhnya disebabkan penglibatan aktif guru dengan aktiviti kerja sampingan.

Penghargaan

Kami berterima kasih atas sokongan yang diberi oleh UTM dan juga Fakulti Pendidikan, UKM.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2006). *Agenda Perubahan Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Said Ambotang & Muhamad Hisyam Mohd Hashim. (2010). Hubungan Iklim Kerja dan Stres dalam Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Journal of Techno-Social*, 2(2), 69–81
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed & Abdul Ghani Abdullah. (2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Sekolah*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Aslam, M & Kingdon G. (2008). What can Teachers do to Raise Pupil Achievement? *Research Consortium on Educational Outcomes and Poverty*, 19, 1–35.
- Azanza, P. A. (2000). *Human Resources Management*. Filipina: Goodwill Trading Co., Inc.
- Berita Harian. (2010). *Tindakan Tegas Guru Abaikan Tugas*. 4 Januari 2010.
- Betts, S. C. (2002). An Exploration of Multiple Jobholding (Moonlighting) and an Investigation Into the Relationship Between multiple Jobholding and Work Related Commitment. Tesis Dr. Falsafah: The State University of New Jersey.
- Betts, S. C. (2006). The Decision to Moonlight or Quit: Incorporating Multiple Jobholding Into a Model Of Turnover. *Journal of Organizational Culture, Communication and Conflict*, 10(1), 63–78.
- Burnham, L. (2011). *101 Senarai Penting Bagi Pembantu Guru*. Terj. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Champion, S. (2010). *Increased Accountability, Teacher's Effort, and Moonlighting*. Tesis Dr. Falafah: Standford University.
- Cooze, A. (2012). *100 Panduan Bagi Guru Pelatih*. Terj. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Dickey, H., Watson, V. & Zangelidis, A. (2009). What Triggers Multiple Job Holding? An Experimental Investigation. *Munich Personal RePEc Archive*. 17575.
- Dickey, H., Watson, V. & Zangelidis, A. (2011). Is It All About Money? An Examination of the Motives Behind Moonlighting. *Applied Economics*, 43(26), 3767–3774.
- Emelia Elias. (2010). *Implikasi Falsafah Barat Ke Atas Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Skudai: UTM Press.
- Emi Mariatin. (2009). Hubungan dan Pengaruh Budaya Organisasi, Personaliti, dan Motivasi Pencapaian Ke Atas Komitmen Organisasi. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Henderson, D. L & Henderson, T. W. (2000). *Texas Teachers, Moonlighting, and Morale*. 1980–2000. Bahagian Pendidikan Amerika Syarikat.
- Hyder, A & Ahmed, A. M. (2009). The Dynamics of Moonlighting in Pakistan. *Pakistan Development Review*, 48(4), 497–509.
- Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar 5e. (2011). Shah Alam. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Lambert, L. (2003). *Leadership Capacity for Lasting School Improvement: Association for Supervision and Curriculum Development*.
- Maninger, R. M., Edgington, W., Johnson, D., Sullivan, S. S. & Rice, M. (2011). Moonlighting and Teacher Status: What are the Implications for Professional Practice? *The Texas Forum of Teacher Education*, 1, 63–76.
- Michael, G. A. (2010). *Industrial/Organizational Psychology: An Applied Approach*. Belmont: Cengage Learning.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2004). *Pembangunan organisasi di Malaysia: Projek pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Aliff Mohd Nor. (2011). *Tambah Duit Dengan Kerja Part Time*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Ismail Othman. (2006). *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Noor Akmar Haji Jais. (2006). Ciri-ciri Guru Berkesan dan Faaktor Motivasi dari Persepsi Pentadbir Sekolah dan Guru. Tesis Sajana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azmwati Abdul Rahman. (2009). Politik Dalaman Sekolah, Kualiti Kehidupan Kerja Guru dan Hubungannya dengan Komitmen Guru. Tesis Sarjana: Universiti Sains Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Parham, J. G. M. (2006). Moonlighting: A Reality for Many Public School Teachers, Tesis Dr. Falsafah. Texas State Universiti.
- Parham, J. N. & Gordon, S. P. (2011). Moonlighting: A Harsh Reality for Many Teacher. *Phi Delta Kappan*, 92(5), 47–52.
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tataatertib) 1993 P.U.(A) 395/1993. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Robiah Sidin. (2002). Konsep Guru Profesional. Fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesional Perguruan 2002. Profesional Perguruan: Cabaran Pendidikan Masa Kini. Hlm. 1–11.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakob. (2007). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1 Tahun 2006.
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.1 Tahun 1999.